

20 AUG 2004

Mahathir-ITM

TUN DR MAHATHIR ANGGAP PENUBUHAN SEMULA ITM LANGKAH BIJAK

PETALING JAYA, 20 Ogos (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menganggap penubuhan semula Institut Teknologi Mara (ITM) adalah satu langkah bijak kerana menyedari kepentingan peranan institusi berkenaan dalam pembangunan negara khususnya pembangunan orang Melayu.

Katanya beliau yakin kerajaan yang ada sekarang akan menyokong usul tersebut.

"Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah memainkan peranan penting memastikan orang Melayu dapat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dan mampu bersaing dengan bangsa lain," katanya ketika berucap di Malam Simfoni Penghargaan 2004 anjuran Yayasan Budiman Universiti Teknologi Mara (YBUiTM) di sini malam ini.

Cadangan penubuhan semula ITM di setiap negeri mulai tahun depan yang disuarakan Naib Canselor UiTM Profesor Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah itu disiarkan dalam satu laporan muka depan sebuah akhbar tempatan hari ini.

Dr Mahathir berkata langkah mewujudkan semula ITM itu bertujuan untuk memberi peluang pendidikan tinggi kepada pelajar Melayu dan Bumiputera yang mendapat keputusan cemerlang, tetapi gagal melanjutkan pelajaran ke UiTM atau universiti awam yang lain.

Beliau turut menyuarakan rasa gembira kerana majlis tersebut turut meraikan dua siswa UiTM, Muhammad Muqharabin Mokhtaruddin dan Ahmad Reduan Rozali yang telah berjaya menawan puncak Gunung Everest, Julai lepas.

Sementara itu, pengerusi YBUiTM Tan Sri Mohd Saleh Sulong berkata Malam Simfoni Penghargaan kali ini bertujuan menzahirkan penghargaan dan rasa terhitung budi ahli-ahli alumni UiTM kepada Dr Mahathir atas jasa dan sumbangan beliau kepada bangsa dan negara terutamanya UiTM.

"Tun telah menyentuh kehidupan seluruh rakyat Malaysia semenjak dua dekad yang lalu dan beliau akan selamanya dikenang sebagai pemimpin yang bertanggungjawab menukar status ITM kepada sebuah universiti bernama UiTM," katanya.

Malam penghargaan itu merupakan majlis makan malam kelima yang dianjurkan oleh YBUiTM, dan ia turut menghimpunkan alumni-alumni UiTM setiap tahun untuk tujuan menambah dana yayasan yang digunakan bagi membantu pelajar-pelajar yang kurang mampu.

Makan malam itu turut diserikan dengan dendangan lagu "Dari hati ke hati" oleh Dr Mahathir dan isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Hadirin juga dihiburkan penyanyi terkenal Siti Nurhaliza dan Vince serta Orkestra Simfoni UiTM.

-- BERNAMA

SOR NBB RV FA AZH